

bah

Mahathir - Ra ja

DR MAHATHIR BIMBANG IMEJ RBJA-RAJA TERJEJAS.

KUALA LUMPUR, 7 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir hari ini menyatakan kebimbangan terhadap kemungkinan terjejasnya imej raja-raja pada pandangan rakyat. sekiranya kekerasan yang dilakukan oleh kerabat diraja berulang lagi.

Perdana Menteri berkata beliau kluatir keadaan seumpama itu akan mendatangkan kesan terhadap pemikiran rakyat seperti yang telah berlaku di United Kingdom, yang selama ini begitu menghormati institusi raja.

+Saya kluatir kalau perkara semacam ini berlaku lagi ia akan menjejaskan imej raja-raja dan pandangan rakyat terhadap raja-raja, + kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan ke-14 Persekutuan Antarabangsa Badan-badan Bukan Kerajaan Mengenai Dadah di sini.

Beliau mengulas kejadian Tengku Bendahara Johor, Tengku Ma jid Idris didapati bersalah oleh Persekutuan Hoki Malaysia kerana memukul pemain hoki Perak Julai lepas dan kejadian yang membabitkan jurulatih pasukan hoki Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB), Douglas Gomez, yang dikatakan mendapatkan rawatan selepas dipanggil ke Istana Bukit Serene, Johor Baharu, Isnin lepas. Gomez telah membuat laporan polis mengenai kejadian itu.

Dr Mahathir berkata, rakyat Britain kini mempunyai pandangan yang berbeza terhadap institusi raja-raja mereka berikutan berlakunya perkara-perkara tertentu melibatkan kerabat raja-raja. -- Lagi.

▼07/12/13-32MST

CNS6117

R GB 07-12 00160 BA681

bah

Mahathir - Raja 2 Kuala Lumpur

Xetika- ditanya sama ada kerajaan atau Umno akan menghadap raja-raja untuk membincangkan perkara itu, Dr Mahathir berkata: +Belum tahu lagi. Kita tidak yernah fikir apa-apapun lagi.+

Beliau juga berkata kerajaan perlu mengkaji terlebih dahulu mengenai tindakan yang boleh diambil dalam perkara itu.

Apabila ditanya mengenai sistem melantik penggantinya, beliau berkata adalah perlu difikirkan sama ada seseorang anak raja yang didapati tidak sesuai patut dilantik sebagai pengganti.

+Kalau dia suka pukul orang dan sebagainya, kita harus fikir adakah dia layak menjadi raja,+ katanya.

Perdana Menteri perkara itu pernah dilakukan semasa pemerintahan British apabila seseorang yang menunjukkan sikap tidak baik semasa menjadi Raja Muda terpaksa digantikan dengan orang lain apabila kemangkatan Sultan.

+Kelakuan anak kepada Raja mestilah sesuai dengan peranannya atau perlantikannya sebagai Raja' kemudian hari,+ kata beliau, dan menambah kata perkara itu dilaksanakan dengan baik semasa pemerintahan British. --Lagi..

▼07/12/13-47MST

CNS6118

R GB 07-12 00152 BA682

bah

Mahathir - Raja 3 Kuala Lumpur

Di samping itu, katanya, perlantikan Raja-Raja juga perlu mengikut sistem yang telah ditetapkan bagi setiap negeri.

Mengenai siasatan polis pula, Dr Mahathir berkata terpulanglah kepada mereka untuk berbuat demikian kerana +mereka tahu kerja mereka. Saya tidak perlu menasihati mereka. +

Beliau juga berkata kedudukan mengatasi undang-undang yang dinikmati oleh raja-raja sekarang mempunyai banyak interpretasi dan bukannya sehingga boleh memukul atau membunuh orang.

+Mengatasi undang-undang setakat yang tidak boleh diambil tindakan ialah berkenaan perkara-perkara biasa sahaja seperti hutang,+ katanya

Perdana Menteri berkata perkara memukul orang tidak termasuk dalam perkara biasa yang ditetapkan.

Ketika ditanya nasihat beliau berkaitan titah ucapan Sultan Azlan Shah semasa masih menjadi Ketua Hakim Negara pada 1981 agar institusi Raja-Raja menjaga kredibiliti mereka sekiranya tidak mahu dipindahkan ke Muzium Negara, beliau berkata perkara itu perlu diambil kira oleh Raja-Raja. -- Bernama.

▼07/12/13-49MST